BH ONLINE

Jumaat, 26 Mac 2021, 9:25am

App Store Google Play

PASARAN KORPORAT AUTO HARTANAH TEKNOLOGI USAHAWAN LAIN-LAIN (BISNES)

# IsDB buka pusat kecemerlangan di Malaysia



Mohd Zaky Zainuddin - Mac 25, 2021 @ 4:32pm
zaky@bh.com.my



Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Pengalaman pembangunan Malaysia, kepelbagaian ekonomi dan transformasi kepada golongan berpendapatan menengah atas menarik minat Islamic Development Bank (IsDB) untuk menubuhkan pusat kecemerlangan (CoE) di negara ini.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata institusi kewangan itu yang dianggotai 57 negara mengubah Pejabat Serantau di Kuala Lumpur kepada CoE, yang dijangka memberi manfaat kepada Malaysia dan semua negara anggota.

Beliau berkata, CoE itu akan dapat memainkan peranan penting membantu pertukaran nilai antara Malaysia dan negara anggota IsDB yang lain terutama dalam lima bidang yang sudah dikenal pasti.

Malah, katanya, beliau difahamkan, CoE IsDB juga sedang menyiapkan nota konsep membabitkan Kemudahan Sukuk Hijau.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Kerajaan komited bantu PKS dalam Belanjawan 2021
- Manfaat sains, teknologi, inovasi makmurkan negara

TERKINI PILIHAN PEMBACA

8m Terminal minyak Arab Saudi terbakar
25m Ibrahimovic masih berbisa di pentas antarabangsa
47m Southgate anggap penampilan Watkins epik
47m AS ketuai perkongsian risikan anti pengganas
54m Mansuh duti hiburan selamatkan pawagam
1h Hungary catat kematian mingguan tertinggi di dunia
1h Jumlah syarikat baharu atasi perniagaan ditutup
2h Keputusan kelayakan Piala Dunia 2022

VAKSIN



LAIN-LAIN (DUNIA) 10 jam yang lepas
2.75 juta maut akibat COVID-19



ASIA Mac 25, 2021 @ 8:35pm
India punca penghantaran tergendala

- Dana 'One WASH' basmi taun di 29 negara OIC
- CIMB lancar aplikasi mudah alih baharu pada November

"Saya ingin sentuh tiga dari lima bidang yang dikenal pasti. Pertama, berkait dengan kewangan Islam iaitu prinsip teras Islam yang mempromosikan keterangkuman, ekuiti, hak harta dan etika yang sangat

sesuai dengan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2030 (SDG PBB) dan dapat dicontohi oleh banyak pihak.

"Ia turut menyaksikan kewangan Islam sudah beralih daripada ketidakjelasan relatif sehinggalah setara dengan kewangan konvensional dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

"Menurut Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia, negara kita menjadi peneraju global sebagai pasaran sukuk terbesar tahun lalu. Malaysia berharap dapat berkongsikan pengalaman dengan negara anggota IsDB," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pemeteraian perjanjian persefahaman (MoU) dan perjanjian tambahan secara maya antara kerajaan Malaysia dan IsDB secara maya, hari ini.

Yang turut serta, Presiden IsDB, Dr Bandar Hajjar.

Mengulas lanjut, Tengku Zafrul berkata, bidang kedua yang dikenal pasti adalah Inisiatif dan Ekosistem Halal di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama Malaysia 2030 (WKB 2030) yang mana membolehkan Malaysia bekerjasama dengan negara anggota IsDB untuk meneroka pasaran halal bernilai AS$3 trilion (RM12.4 trilion).

Bagi bidang ketiga pula, katanya, ia membabitkan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) yang menjadi pusat pertumbuhan strategi IsDB dan banyak sudah dilaburkan dalam sektor berkenaan seperti program Dana Transformasi dan Platform Libat Urus.

"Pertambahan tonggak STI amat dinantikan oleh kementerian dan agensi kerana ia selaras dengan Dasar Nasional mengenai STI (2021-2031), Rangka Tindakan STI dan Ekonomi dan agenda kerajaan menerusi Majlis Ekonomi Digital serta Revolusi Industri Ke-4 termasuk inisiatif Mi'yar Ekonomi Digital Islam.

"Ia (pertambahan) tepat pada masanya, seiring dengan inisiatif nasional untuk menjadikan STI sebagai landasan mengembangkan teknologi baharu bagi memenuhi keperluan rakyat dan menangani isu global," katanya.

Tengku Zafrul menegaskan, penubuhan CoE juga mencerminkan keyakinan IsDB terhadap kemampuan Malaysia dalam bidang STI terutama membabitkan industri pemula niaga dan modal teroka.


ASIA Mac 25, 2021 @ 8:19pm
Separuh rakyat Israel divaksin sepenuhnya


NASIONAL Mac 25, 2021 @ 1:19pm
Tambah PPV fasa 2, 3 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

NASIONAL Mac 25, 2021 @ 1:01pm

Kumpulan tambahan fasa kedua imunisasi COVID-19



NASIONAL Mac 24, 2021 @ 5:30pm
COVID-19: 1,268 kes baharu

## TRENDING


NASIONAL 9 jam yang lepas
70 rumah rosak akibat ribut di Kuantan



KES 9 jam yang lepas
Tembak anak sebelum bunuh diri


NASIONAL Mac 25, 2021 @ 7:35pm
Kenduri kahwin cetus kluster baharu di Kelantan


KES Mac 25, 2021 @ 5:05pm
Operasi keluarkan mayat pencari emas berdepan cabaran


BOLA Mac 25, 2021 @ 4:28pm
Isaac sah tolak Harimau Malaya

## MYRESIPI


INFOMASI Mac 25, 2021 @ 1:42pm
Menu Tradisi Orang Jawa, Ini Resepi Kuih Topi Yang Menyelerakan



INFOMASI Mac 25, 2021 @ 1:38pm
Kecur Air Liur! Ini Cara Buat Kuah Colek Garam Belacan Versi Utara, Sedap Tak Terkata!



INFOMASI Mac 24, 2021 @ 12:38pm
Jom Cuba Resepi Manisan Klasik Filipina ‘Taho’, Nikmat Dijamu Semasa Sarapan


INFOMASI Mac 24, 2021 @ 12:37pm
Resepi Kek Buah Belimbing Buluh Masam Manis, Hanya Guna Blender Je, Mudah Kan?


TIPS & PETUA

Katanya, baru-baru ini, Malaysia muncul sebagai antara peneraju hab teknologi kewangan (FinTech) Islam dunia yang menjadi pusat kepada pelbagai syarikat pemula niaga FinTech Islam.

"Kerjasama antara Malaysia dan IsDB akan memudahkan perkongsian kepakaran serta pengalaman negara anggota sejajar dengan tonggak baharu CoE dan SDG PBB," katanya.


Mac 23, 2021 @ 2:53pm
Cara Asah Pisau Paling Mudah Dan Berkesan

Sementara itu, Bandar berkata, penubuhan CoE di Kuala Lumpur membuktikan kemampuan Malaysia mengurus ekonomi dengan sokongan institusi kewangan serta sektor swasta terutama dalam mendepani cabaran COVID-19 ketika ini.

"Banyak perkara sudah dilaksanakan oleh Malaysia. Sebagai contoh, strategi 6R yang sudah dan sedang dilaksanakan Malaysia dalam memulihkan ekonomi negara dan rakyat.

"Inisiatif dalam pertumbuhan trajektori dan langkah memperkukuhkan sistem kesihatan juga wajar dipuji," katanya.

Strategi 6R merujuk kepada strategi menangani krisis COVID-19 dan memulihkan ekonomi diperkenalkan tahun lalu, merangkumi ketegasan (Resolve), ketahanan (Resilient), memulakan semula (Restart), pemulihan (Recovery), memperkasa (Revitalise) dan menyusun semula (Reform).

IsDB yang juga institusi pembangunan kewangan pelbagai hala dengan fokus kepada kewangan Islam berpusat di Jeddah, Arab Saudi ditubuhkan pada 1973.

Arab Saudi adalah pemegang saham utama dengan 26.57 peratus, Algeria (10.66 peratus), Iran (9.32 peratus) dan Mesir (9.22 peratus).

Di Malaysia, IsDB mula bertapak pada Mei 1994 selepas kerajaan memeterai perjanjian bagi menubuhkan Pejabat Serantau Kuala Lumpur.

IsDB mula beroperasi secara rasmi sebagai institusi perbankan di Malaysia pada September 1995.

## BERITA BERKAITAN



LAIN-LAIN (BISNES) Mac 9, 2021 @ 7:06pm

**Malaysia terajui terbitan sukuk global pada 2020 - Tengku Zafrul**



LAIN-LAIN (BISNES) Apr 9, 2018 @ 2:50pm

**Penasihat Sains PM dilantik SAB IsDB**



MIGHT
Malaysian Industry-Government Group for High Technology



NASIONAL Feb 4, 2020 @ 9:48pm

**2 kementerian kerjasama kenal pasti bidang STIE untuk RMKe-12**

NASIONAL Dis 22, 2019 @ 1:39pm

**COE mampu kembalikan kecemerlangan sains, teknologi, inovasi**


**Disyorkan untuk anda**

Recommended by

**Doctor: if You Have Tinnitus (Ear Ringing) Do...**
discover-healthy-body....



**Dwayne 'The Rock' Johnson Buys Georgia...**
Mansion Global



**For the first time, Malaysians can study a Master o...**
MBA | Search Ads

**Here Is What Full Mouth Dental Implants Should...**
Dental Implants | Searc...



**Putrajaya: Get Unsold cars from 2019 For A...**
New Cars | Search Ads

**People Who Wore The Wrong T-Shirt At The Right Time**
TooCool2BeTrue

**9 Out of 10 Baby Boomers Fail This Quiz, Can You...**
Parentsdome Galleries



**Malaysia: Work-from-home jobs in the US may p...**
Working From Home | ...




2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group